

## Latihan Penilaian Unit

1. Senaraikan tujuh ciri-ciri keistimewaan ajaran Islam dan berikan maksud ringkas bagi setiap ciri yang anda senaraikan.
2. Buktikan bahawa ajaran Islam itu bersifat *waqi'iyah* atau realistik.
3. Salah satu daripada keistimewaan ajaran Islam ialah *wasatiyyah* atau kesederhanaan. Kenapa ajaran Islam dikatakan sederhana?
4. Manusia perlu memikul tugas sebagai khalifah dan hamba Allah di muka bumi. Bagaimanakah manusia perlu mengimbangi pelaksanaan kedua-dua tugas tersebut?
5. Berdasarkan kefahaman anda, mengapakah ilmu wahyu menduduki tahap teratas dalam senarai hierarki ilmu menurut Islam?
6. Bincangkan kedudukan dan kepentingan ilmu akli dalam kehidupan manusia.
7. Bincangkan perbezaan antara sistem nilai menurut perspektif Islam dan Barat.
8. Berikan penilaian anda terhadap tahap keruntuhan moral remaja di Malaysia sekarang.
9. Senaraikan contoh-contoh amalan rasuah, pecah amanah dan salah guna kuasa yang pernah anda dengar atau baca.
10. Islam menekankan konsep pembangunan seimbang atau sepadu. Berdasarkan pembacaan anda, apakah yang anda fahami tentang pembangunan seimbang atau sepadu?
11. Senaraikan lima contoh ayat al-Qur'an yang memberikan isyarat tentang fakta-fakta sains serta huraikan setiap satunya berdasarkan penemuan sains moden.
12. Senaraikan tiga kesan positif globalisasi dan tiga kesan negatif globalisasi.
13. Ajaran Islam bersifat global dan universal. Bincangkan.
14. Selain daripada contoh-contoh salah faham terhadap Islam yang dinyatakan dalam unit ini, senaraikan tiga lagi contoh salah faham yang pernah anda dengar atau baca serta berikan hujah anda bagi menolaknya.
15. Apakah yang anda fahami tentang dialog peradaban dan kenapa ia sangat penting dalam era globalisasi ini, khususnya bagi negara seperti Malaysia?